

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 16 MAC 2018 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MTDC sasar lulus RM0.85 juta dana penyelidikan sosial	Berita Harian Online
2.	Seaweed Splash di Semporna	Utusan Online
3.	Hanya 20 peratus peniaga guna pembungkus biodegradasi	Utusan Malaysia



PENGERUSI MTDC, Datuk Latt Shariman Abdullah (tengah) bersama Ketua Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus (tiga dari kiri) bergambar bersama wakil penerima pada majlis penyerahan geran penyelidikan mini sosial kepada lima universiti tempatan di Kuala Lumpur, hari ini. - Foto Zunnur Al Shafiq

MTDC sasar lulus RM0.85 juta dana penyelidikan sosial

KUALA LUMPUR: Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menyasar untuk meluluskan keseluruhan dana penyelidikan sosialnya berjumlah RM850,000 yang diperuntukkan tahun ini.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus, berkata sebanyak lapan hingga 10 universiti tempatan dijangka menerima manfaat itu dengan jumlah peruntukan bergantung kepada nilai projek yang dicadangkan.

"Jika projek penyelidikan itu kecil, ia hanya membabitkan antara RM50,000 hingga RM100,000 dan jika projek itu pada skala lebih besar, jumlah geran antara RM100,000 hingga RM200,000.

"Untuk tahun ini kita tidak meluluskan sebarang peruntukan lagi kerana syarikat masih menilai permohonan yang sesuai dan berkait dengan keperluan syarikat dan universiti," katanya pada sidang media penyerahan geran penyelidikan mini sosial kepada lima universiti tempatan di sini, hari ini.

Hadir sama Pengerusi MTDC, Datuk Latt Shariman Abdullah.

Pada majlis itu, MTDC menyerahkan geran penyelidikan sosial berjumlah RM560,000 yang diperuntukkan tahun lalu kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Tun Abdul Razak (UTAR), Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF).

MTDC akan membiayai penyelidikan berkaitan ekosistem dan halangan yang dihadapi usahawan, adaptasi teknologi sebagai persediaan Revolusi Perindustrian 4.0 dan pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan (R&D).


Projek berkenaan dijadual bermula tahun ini dan dijangka selesai dalam tempoh sembilan bulan hingga 24 bulan.

Mengulas lanjut, Latt Shariman berkata, program penyelidikan itu membolehkan komuniti akademik menzahirkan idea baharu untuk tujuan perngkomersialan, pemindahan teknologi, teknologi keusahawanan dan inovasi.

"Malaysia kini ke arah Industri 4.0, dan penyelidikan anda perlu berkisar kepada automasi, robotik dan Internet Kebendaan (IoT)," katanya.

Geran Penyelidikan Mini Sosial dibuka sepanjang tahun dan maklumat lanjut, layari www.mtdc.com.my.

Seaweed Splash di Semporna



SEMPORNA kaya dengan pelbagai spesies rumpai laut.

Apabila berkunjung ke pekan Semporna, perkara pertama yang terbayang pada fikiran adalah lokasinya. Bagi mereka yang kali pertama berkunjung ke sana, mereka akan tertanya-tanya apakah daya penariknya yang menggamit pengunjung.

Semporna sebuah pekan kecil terletak kira-kira 10 kilometer dari bandar Tawau di Sabah dengan perjalanan ke sana mengambil masa kira-kira satu jam setengah menaiki kenderaan darat. Sama seperti bandar Tawau, pekan Semporna terletak di tepi laut dan ini memberi gambaran mengenai apakah aktiviti utama penduduknya.

Selain menjadi nelayan atau bekerja dengan operator pelancongan dan berniaga, penduduk Semporna yang didominasi oleh suku Bajau dan Suluk juga menjadi pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS). Pelancong dari China dan Eropah dilihat memenuhi restoran dan bot yang membawa mereka ke destinasi tertentu di pulau pulau berhampiran seperti Mabul dan Sipadan.

Ini kerana kejernihan lautnya menjadi aset paling penting yang menjadikan pekan ini tumpuan pelancong. Selain itu, yang lebih menguntungkan, aktiviti ekonomi penduduk ini juga berkaitan dengan laut sebagai nafas yang memberi kehidupan kepada mereka. Hasil laut seperti tuna antara yang terdapat di sini. Semporna juga merupakan ladang rumpai laut yang subur dan telah menjadi ikon kepada pekan ini.

Pembangunan industri rumpai laut di sini banyak dibantu oleh usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) dari beberapa pihak antaranya Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang pernah menjalankan penyelidikan mengenai teknik pengkulturan menggunakan tali dan bakul khas.

Justeru, apabila Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi beberapa agensinya termasuk antaranya Jabatan Perikanan menggerakkan usaha membangunkan industri tersebut, maka ia boleh dianggap satu khabar gembira kepada penduduk setempat.

Sebagai contoh, penganjuran fiesta mega rumpai laut yang dikenali sebagai Seaweed Splash 2018 pada 30 Mac hingga 1 April ini di Semporna merupakan satu lagi usaha ke arah mempromosi potensi industri tersebut bagi faedah pengusaha dan masyarakat setempat secara keseluruhannya.

Seaweed Splash yang dianjurkan kementerian berkenaan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) bertujuan untuk mempromosikan industri rumpai laut di negeri berkenaan. Program bertujuan membantu meningkatkan permintaan dan pendapatan penternak serta membantu meningkatkan harga semasa rumpai laut, selain perluasan potensi pasaran tempatan dan juga eksport.

Dijangka lebih 5,000 penggiat industri tersebut berhimpun di Semporna, sekali gus mempromosi sektor pertanian setempat sebagai kawasan agropelancongan.

Pelaksanaannya secara berkonsepkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang melibatkan penggiat rumpai laut, penjawat awam dan sektor swasta dan akan berterusan sepanjang tahun ini.

Negeri Sabah yang terletak di kawasan Segi Tiga Batu Karang merupakan antara penyumbang kepada pengeluaran rumpai laut merah (Rhodophyceae) spesies *Kappaphycus* spp. dan *Eucheuma* spp. bagi penghasilan biopolimer marin iaitu karagenan, yang terbesar selepas negara Filipina dan Indonesia.

Sebanyak 10 syarikat peneraju iaitu lapan di Semporna dan dua di Kunak dilantik oleh kerajaan bawah projek ladang mini, manakala enam kluster iaitu lima di Semporna dan satu di Tawau telah ditubuhkan bagi menggabungkan pengusaha kecil sedia ada secara berkelompok.

Program tersebut berjaya meningkatkan pendapatan pengusaha melebihi RM1,500 sebulan melepasi tahap kemiskinan.

Ketua Pengarah Perikanan **Datuk Munir Mohd. Nawi** berkata , seiring dengan pembangunan hulu rumpai laut, pelbagai program R&D telah dijalankan dengan kerjasama UMS, dan agensi lain seperti **SIRIM Berhad** dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

“Kajian R&D ini mampu menghasilkan nilai tambah kepada produk rumpai laut.

“Antara penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI membuktikan bahawa Rumpai Laut Semporna adalah yang terbaik kerana mengandungi kandungan gel karagenan yang paling berkualiti,” ujarnya.

Justeru katanya, Jabatan Perikanan dengan kerjasama SIRIM Berhad dan **Jabatan Standard Malaysia** turut mengeluarkan garis panduan (SOP) bagi Amalan Baik Pertanian Malaysia (MyGAP) untuk Rumpai Laut dan sehingga kini lebih 50 ladang projek Kluster Lok Buton Semporna berjaya mendapat pensijilan MyGAP.

Program tersebut sebagai usaha kerajaan dalam mentransformasi golongan sasaran untuk lebih berdaya saing, berpengetahuan dan medium terbaik dalam menyampaikan faktor keceriaan kepada masyarakat. Ini serta secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan dan mewujudkan suasana mesra antara golongan sasaran dengan kerajaan.

Program tersebut juga membantu menaikkan industri pelancongan khasnya di Semporna, mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan ekonomi masyarakat setempat dan bakal melahirkan usahawan hiliran industri rumpai laut melalui aktiviti sebegini.

Pelbagai acara di Semporna

Mahek kamemon ma Semporna!

“Semua dijemput ke Semporna” sempena fiesta mega rumpai laut pada 30 Mac hingga 1 April ini yang merupakan daerah yang kaya dengan khazanah bernilai dan juga kawasan agropelancongan.

Industri rumpai laut di pekan tersebut dapat meningkatkan pendapatan pengusaha tempatan, menstabilkan harga serta perluasan potensi pasaran tempatan dan juga eksport.

Ketua Pengarah Perikanan **Datuk Munir Mohd. Naw**i memberitahu, berbagai-bagai acara akan mengisi program Seaweed Splash 2018 itu untuk penglibatan semua pengunjung di sepanjang tiga hari program ini berlangsung.

Fiesta mega rumpai laut ini membawa objektif keprihatinan kerajaan dalam usaha meningkatkan pengeluaran rumpai laut dan produk nilai tambah, serta meningkatkan permintaan dan perluasan pasaran tempatan dan juga eksport, sekali gus dapat meningkatkan pendapatan penggiat industri ini di seluruh rantai nilai.

“Di samping itu dapat mempromosi Semporna sebagai tarikan agropelancongan dan mampu menjana pendapatan yang baik kepada penduduk Semporna,” katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA) : MUKA SURAT 26
TARIKH : 16 MAC 2018 (JUMAAT)

Hanya 20 peratus peniaga guna pembungkus biodegradasi

KUALA LUMPUR 15 Mac - Kira-kira 80 peratus peniaga dan peniaga di ibu negara masih gagal melaksanakan pembungkusan selamat menggunakan produk berasaskan biodegradasi sejak mula diperkenalkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) awal tahun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL, Datin Dr. Noor Akma Shabuddin berkata, sambutan dalam kalangan peniaga dan peniaga terhadap pelaksanaan inisiatif memelihara alam sekitar itu tidak sampai 50 peratus pematuhannya.

Menurutnya, pengenalan-nya pada 1 Januari 2017 termasuk tempoh sembilan bulan bagi peniaga beralih menggunakan

produk pembungkus biodegradasi sebelum tindakan penguatkuasaan diambil mulai 1 September tahun sama masih gagal dipatuhi majoriti peniaga.

"Antara faktor penyumbang kepada kelewatan dan kegagalan peniaga dan peniaga melaksanakan adalah kekeliruan mendapatkan pembekal produk biodegradasi yang memenuhi piawaian Kementerian Wilayah Persekutuan dan pensijilan daripada Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

"Ada juga yang sudah membuat tempahan kepada pembekal tapi belum menerima bekalan kerana buat masa sekarang hanya 23 pembekal sahaja yang sah dan

menepati kehendak menggunakan bahan berasaskan biodegradasi," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata demikian ketika menyertai Operasi Bersepadu Pemeriksaan Kedai Makanan (Op Bersih) Siri 11 yang diketuai oleh Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Datuk S. Rajah di Jalan Medan Tunku di sini.

Dalam operasi itu, dua buah restoran diarah tutup ekoran kegagalan pemiliknya mematuhi peraturan kebersihan.

Ini termasuk penemuan lipas dan tikus di kawasan dapur premis selain masih menggunakan produk pembungkus plastik dan polisterina.



S. RAJAH (kanan) bersama pegawai Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar DBKL memeriksa tahap kebersihan bahagian dapur sebuah restoran ketika Operasi Bersepadu Pemeriksaan Kedai Makanan Siri 11, di Kuala Lumpur, semalam.